



JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 9, No. 1, 2015

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Persepsi Niat Penyumbang Wakaf Tunai Yang Tidak Pasti Untuk Menyumbang Lagi dan Hubungannya Terhadap Integriti Insituti Wakaf Di Malaysia

Fuadah Johari, Mohammad Haji Alias dan Muhammad Ridwan Ab. Aziz

Pendayagunaan Tanah Wakaf Oleh Muhammadiyah: Studi Kasus Rumah Sakit Islam Jakarta

Dr. H. Mas'ud Muhammad Nur, MM

Application Of Aqueous Cream On The Feet Of Malaysian Pilgrims During The Hajj Period For The Prevention Of Skin Blisters And Breakage

Narazah Mohd Yusoff, Imran Abdul Khalid, Hasnah Hashim, Aishah Knight dan Nizuwan Azman

Persepsi Pengguna Laman Web Lembaga Zakat Selangor (LZS) Terhadap Pembayaran Zakat Secara Atas Talian

Khadijah Binti Muda, Dr.Mohd.Daud Bin Awang, Dr.Husniyah Abdul Rahim @ Abdul Wahab & Dayang Shobihah Abang Abai

Wakaf Dalam Sektor Pendidikan Dan Ekonomi Di Negeri Sembilan

Mohamad Khairul Izwan Rifin, Wan Kamal Mujani dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad

Penyediaan Tempat Tinggal Golongan Asnaf Menurut Skim Bantuan Agihan Zakat:

"Cadangan Penggunaan Tanah Wakaf"

Azila Ahmad Sarkawi, Khairuddin Abdul Rashid dan Sharina Fariah Hasan

Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian Terhadap Institusi Koperasi Di Selangor

Abdul Rahman Ngatenan @ Adnan, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad

JURNAL
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



Jurnal Pengurusan JAWHAR

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	iii
Persepsi Niat Penyumbang Wakaf Tunai Yang Tidak Pasti Untuk Menyumbang Lagi dan Hubungannya Terhadap Integriti Insituti Wakaf Di Malaysia <i>Fuadah Johari, Mohammad Haji Alias dan Muhammad Ridwan Ab. Aziz</i>	1
Pendayagunaan Tanah Wakaf Oleh Muhammadiyah: Studi Kasus Rumah Sakit Islam Jakarta <i>Dr. H. Mas'ud Muhammad Nur, MM</i>	25
Application Of Aqueous Cream On The Feet Of Malaysian Pilgrims During The Hajj Period For The Prevention Of Skin Blisters And Breakage <i>Narazah Mohd Yusoff, Imran Abdul Khalid, Hasnah Hashim, Aishah Knight dan Nizuwan Azman</i>	39
Persepsi Pengguna Laman Web Lembaga Zakat Selangor (LZS) Terhadap Pembayaran Zakat Secara Atas Talian <i>Khadijah Binti Muda, Dr.Mohd.Daud Bin Awang, Dr.Husniyah Abdul Rahim @ Abdul Wahab & Dayang Shobihah Abang Abai</i>	45
Wakaf Dalam Sektor Pendidikan Dan Ekonomi Di Negeri Sembilan <i>Mohamad Khairul Izwan Rifin, Wan Kamal Mujani dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad</i>	73
Penyediaan Tempat Tinggal Golongan Asnaf Menurut Skim Bantuan Agihan Zakat: "Cadangan Penggunaan Tanah Wakaf" <i>Azila Ahmad Sarkawi, Khairuddin Abdul Rashid dan Sharina Fariah Hasan</i>	91
Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian Terhadap Institusi Koperasi Di Selangor <i>Abdul Rahman Ngatenan @ Adnan, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad</i>	111

KESEDARAN MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN: KAJIAN TERHADAP INSTITUSI KOPERASI DI SELANGOR

Abdul Rahman Ngatenan@Adnan⁴⁴

Hairunnizam Wahid⁴⁵

Sanep Ahmad⁴⁶

ABSTRAK

Koperasi adalah sesuatu pertubuhan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Akta Koperasi 1993, yang matlamat penubuhannya adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Zakat Perniagaan adalah salah satu daripada komponen zakat yang wajib ditunaikan oleh individu muslim yang bergelar usahawan dan tidak terkecuali juga sektor koperasi. Koperasi juga diwajibkan untuk membayar zakat hasil daripada harta perniagaannya. Kajian ini cuba menganalisis terhadap kesedaran membayar zakat perniagaan oleh koperasi di Negeri Selangor yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kajian ini telah menggunakan data kutipan zakat perniagaan koperasi bagi Negeri Selangor dan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif untuk menggambarkan hasil kajian secara lebih jelas. Kutipan zakat perniagaan di Negeri Selangor oleh LZS sangat berkembang dan telah menunjukkan peningkatan secara positif sepanjang 20 tahun beroperasi, sehingga kutipan zakat perniagaan menjadi kutipan yang kedua tertinggi selepas Zakat Pendapatan. Ia dikatakan didorong oleh beberapa faktor antaranya sikap individu, imej, institusi zakat, kakitangan institusi zakat dan undang-undang atau fatwa.

Perkataan Teras : Kesedaran, Zakat Perniagaan, Koperasi

Klasifikasi JEL : G28, H83, Z12

44. Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email : rahmaniza@skm.gov.my

45. Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

46. Prof. Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: nep@ukm.edu.my

1.0 PENGENALAN

Islam sangat memuliakan golongan peniaga, orang yang mencari nafkah hidupnya dengan perdagangan atau perniagaan. Oleh itu, untuk kesejahteraan mereka, Islam telah menyediakan satu bentuk penyucian bagi mereka, yakni membersihkan harta dan jiwa dengan berzakat. Zakat pada hakikatnya membersihkan dari elemen haram (kerana pencampuran hak manusia lain di dalam harta tersebut) dan pada masa yang sama menyuburkan atau membersihkan harta dan perniagaan. Zakat juga adalah pembersihan jiwa dan rohani untuk lebih dekat dengan Allah SWT. Firman Allah SWT: Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya pada jalan kebaikan dan bertakwa, serta dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami (Allah) akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya orang yang bakhil dan berasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta dia mendustakan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami (Allah) akan memudahkannya untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan (Al-Quran. Surah Al-Lail: 5-10). Sahabat Nabi SAW juga menyatakan:

“Dahulu Nabi Muhammad SAW memerintahkan kepada kami untuk mengeluarkan zakat terhadap harta kekayaan yang disiapkan untuk dijual”. (Hads riwayat Abu Daud & Baihaqi)

Zakat merupakan rukun Islam yang ke-empat dan merupakan sebahagian daripada ibadah dalam kehidupan umat Islam. Dengan melakukan kewajipan berzakat boleh membiasakan diri pengeluarnya bersifat pemurah, suka beribadah dan merasai hartanya semakin bertambah, bukan semakin berkurang (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2010). Pihak terpenting yang menguruskan zakat adalah para Amil iaitu pegawai dan petugas yang menerima upah hasil daripada pekerjaan mereka sebagai pengurus harta zakat (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2010). Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

Di dalam Islam, zakat terbahagi kepada 2 jenis sahaja iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Zakat Fitrah merupakan kewajipan yang ditetapkan kepada Umat Islam di Bulan Ramadhan dan Syawal. Ia pelengkap kepada ibadah puasa yang telah ditunaikan. Tempoh menunaikannya juga ditetapkan di dalam 2 bulan tersebut iaitu sepanjang Ramadhan dan di pagi 1 Syawal (pagi hari raya umat Islam). Kedua adalah zakat harta. Di peringkat awal Islam, jenis zakat harta adalah

tertakluk kepada keadaan dan jenis aktiviti ekonomi yang wujud pada masa tersebut. Aktiviti ekonominya ialah tanaman, ternakan, perniagaan, simpanan emas, simpanan perak, *kunuz* dan *rikaz*. Syarat-syarat yang mewajibkan seseorang berzakat ada lima iaitu Islam, Merdeka (Bukan Hamba), Harta yang Sempurna Milik, Cukup Haul (tempoh/tahun) dan Cukup Nisab. Golongan yang berhak menerima zakat berdasarkan Al-Quran di dalam Surah At-Taubah Ayat 60;

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang di dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

Ayat ini menunjukkan bahawa golongan yang berhak menerima zakat hanya 8 golongan asnaf sahaja. Jumhur Fuqaha berpendapat, tidak harus diberikan kepada selain daripada yang dinaskan al-Quran. Uniknya, Amil yang dikenali badan zakat pada masa awal Islam sehingga kini tetap berada di dalam senarai 8 golongan asnaf yang juga dianggap penerima harta zakat walaupun mereka bertindak sebagai sebuah pihak yang mengurus harta zakat.

Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa, zakat dan perkara lain tentang agama Islam yang seumpamanya di samping waqaf, pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri dan lain-lainnya terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Kerajaan negeri bertanggungjawabkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi mengendalikan segala urusan berkaitan agama di negeri-negeri termasuklah urusan pentadbiran serta pengurusan pungutan dan agihan zakat (Mujaini, 2011). Di negeri Selangor, LZS telah ditubuhkan semenjak tahun 1995 bagi melakukan urusan kutipan dan agihan zakat. Berpandukan Seksyen 86, Eneknmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui perbadanan di bawahnya iaitu LZS adalah satu-satunya badan yang dilantik untuk membuat kutipan dan pengagihan zakat atau fitrah di Selangor termasuk zakat perniagaan. Oleh itu, zakat perniagaan adalah zakat yang diwajibkan baginya zakat atas segala jenis barang-barang yang diniagakan bagi yang mendapat keuntungan. Barang-barang yang diniagakan tersebut baik yang berpunca dari hasil pertanian, haiwan ternakan, emas, perak, perikanan, ladang dan lain-lain.

Zakat perniagaan dikenakan untuk semua bentuk perniagaan baik secara individu atau segera dengan peniaga Islam dan bukan Islam, koperasi, perniagaan saham dan lain-lain. Oleh itu, sangat luas ruang lingkup zakat perniagaan ini, yang perlu kita fahami bahawa barang yang dijual beli tersebut halal di sisi syariah dan diniatkan untuk berniaga kerana Allah SWT. Misalnya, jika seseorang berniaga emas dan perak, maka ia dikenakan zakat perniagaan dan bukannya zakat emas dan zakat perak. Jika seseorang menternak lembu dan kambing untuk diniagakan, maka ia dikenakan zakat perniagaan dan bukannya zakat ternakan. Begitu juga dengan koperasi yang menjalankan aktiviti perniagaan, maka ia dikenakan zakat perniagaan. Berdasarkan hadis di atas juga, Rasulullah SAW berpesan kepada sahabat-sahabatnya untuk menzakatkan harta perniagaan yang disiapkan untuk dijual, maka zakat perniagaan tidak hanya dikenakan apabila sesebuah perniagaan itu menghasilkan keuntungan. Apabila perniagaan itu rugi, tetapi harta atau modalnya masih mencapai nisab, maka perniagaan itu masih wajib dizakatkan.

Persoalannya adakah wujud kesedaran membayar zakat perniagaan dalam kalangan institusi korporasi khususnya di negeri Selangor. Beberapa kajian sebelum ini telah dibuat berkaitan dengan kesedaran, kutipan dan pengagihan dana zakat di Malaysia (Md Zyadi & Mariani, 1999; Nor Ghani, Mariani, Jaafar & Nahid Ismail, 2001), termasuklah kajian oleh Ram et. al. (2009) yang mengkaji gelagat pembayar zakat perniagaan dalam kalangan usahawan, namun belum ada kajian yang mengkaji gelagat institusi koperasi membayar zakat perniagaan. Ini adalah kerana perubahan sikap dan kesedaran individu muslim untuk melaksanakan ibadah zakat ini adalah perlu. Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap kesedaran koperasi di Negeri Selangor untuk menjalankan kewajipan membayar zakat perniagaan dan juga mengetahui kesan positif terhadap koperasi yang telah membayar zakat perniagaan. Persoalannya di sini ialah sejauh mana koperasi-koperasi di Negeri Selangor membayar zakat perniagaannya. Kajian ini dijangka boleh membantu untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan LZS di dalam mengenal pasti potensi pembayaran zakat perniagaan koperasi seterusnya merencana program yang bersesuaian bersama ANGKASA iaitu agen yang telah dilantik oleh LZS untuk mengutip zakat perniagaan koperasi, kepada semua koperasi di Negeri Selangor. Akhirnya dapat meningkatkan jumlah kutipan dan agihan zakat di Negeri Selangor khususnya dan negeri-negeri lain amnya.

2.0 KAJIAN LEPAS

Satu kajian yang telah dibuat oleh Ram et. al. (2009) pula hanyalah bertujuan untuk meneroka dan mengkaji sikap ahli perniagaan terhadap peraturan zakat dari negeri Kedah. Beliau menyenaraikan faktor sikap dan undang-undang sebagai punca seseorang usahawan itu ingin menunaikan zakat. Kedua-dua faktor yang dikaji oleh Ram et. al. (2009) turut disertakan di dalam kajian ini. Dalam situasi ini, Aidit (1998) berpandangan bahawa akta dan undang-undang yang menyokong khusus berkaitan pembayaran zakat adalah penting bagi meningkatkan kesedaran membayar sebagaimana patuhnya pembayar dengan wujudnya Akta Cukai Pendapatan 1967. Dalam kajian Kamil (2006) berkaitan kepentingan undang-undang dalam pelaksanaan zakat, kebanyakan responden berpandangan undang-undang zakat di Malaysia berada pada tahap lemah. Dengan menggunakan teori pembelajaran sosial (*social learning theory*), manusia akan melaksanakan tanggungjawab jika merasakan dirinya terancam. Walaupun kajian yang dilaksanakan tidak dapat menunjukkan hubungan kait yang signifikan antara pembayaran dan undang-undang, beliau berpandangan bahawa undang-undang yang positif akan meningkatkan jumlah bayaran. Oleh sebab itu, penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan tiada anggota masyarakat yang terlepas dari melaksanakan tanggungjawab ini.

Siti Mashitoh (2007) pula telah menghuraikan dengan lanjut konsep sistem perundangan zakat di Malaysia. Faktor yang menyebabkan undang-undang zakat di Malaysia dilihat lemah adalah disebabkan sistem perundangan yang begitu terhad. Keadaan ini telah memberi ruang kepada fenomena kegagalan membayar zakat dan tentangan terhadap perundangan zakat sedia ada. Terdapat satu kajian oleh Hairunnizam et. al (2007) yang mengkaji isu ramai umat Islam masih belum menunaikan zakat pendapatan dan apakah faktor-faktor penyebab kepada perkara tersebut. Analisis kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor demografi seperti umur, taraf perkahwinan dan pendapatan adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di samping mekanisme pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji. Kajian yang dibuat oleh Hairunnizam et. al, (2009); dan Hairunnizam et. al, (2010) juga telah mengutarakan tentang persepsi segelintir masyarakat yang masih beranggapan bahawa pengurusan LZS dalam aspek agihan masih dianggap kurang memuaskan. Ia rentetan kepada kajian oleh Sanep dan Hairunnizam (2005); serta Sanep et. al. (2006) yang telah mengenalpasti bahawa, masyarakat Islam dikatakan masih tidak berpuas hati dengan pengurusan zakat oleh LZS terutamanya ketidakyakinan segelintir individu dengan kesungguhan LZS dalam mengurus agihan zakat.

Kajian Zahri (2007) pula bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Kajian beliau lebih tertumpu kepada kaedah taksiran zakat perniagaan yang dibuat oleh badan zakat negeri-negeri di Malaysia. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hakim (2007) pula tertumpu kepada kajian tentang potensi pembayaran dan kutipan zakat di Malaysia. Kajian tentang penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber zakat yang diikhtilaf (Sanep & Hairunnizam, 2005) dan pengagihan zakat kepada lapan asnaf (Hairunnizam et. al, 2010), persepsi amil dan penerima zakat terhadap cadangan melokalisasikan pengagihan zakat (Hairunnizam & Radiah, 2010) dan Radiah et. al. (2010), pemantapan sistem zakat dan cukai ke arah kemajuan ekonomi ummah (Mahmood Zuhdi, 2007) dan peranan agihan zakat dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah (Patmawati, 2007). Kajian-kajian tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan berzakat agar jumlah kutipan zakat dapat dipertingkatkan seterusnya menambahkan aspek kualiti hidup asnaf zakat terutamanya golongan fakir dan miskin dengan meningkatkan agihan zakat serta menyediakan pelbagai bantuan kepada mereka.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menganalisis data yang diperoleh daripada pegawai bahagian data LZS serta pegawai bahagian data perangkaan koperasi di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Selangor. Data diperoleh melibatkan negeri Selangor iaitu membuat perbandingan tahunan yang hanya melibatkan tahun 2012 dan tahun 2013 sahaja. Data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif iaitu membandingkan antara beberapa kategori koperasi iaitu (1) Koperasi Jabatan Penjara Selangor Berhad, (2) Koperasi Pekebun Kecil Negeri Selangor Berhad dan (3) Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad. Data yang akan dianalisis termasuklah melihat aspek prestasi koperasi setelah membayar zakat perniagaan dalam beberapa aspek penilaian termasuklah (1) Jumlah Syer (Modal Saham), (2) Jumlah Aset dan akhirnya (3) Jumlah Perolehan.

4.0 HASIL KAJIAN

Beberapa hasil kajian mengenai zakat perniagaan koperasi telah dilihat dengan jelas di negeri Selangor. Hasil yang diperolehi dibincangkan secara terperinci dan didapati bahawa berlakunya peningkatan dalam jumlah kutipan zakat perniagaan koperasi dalam tahun 2012 dan 2013, *trend* kutipan zakat perniagaan koperasi di

negeri yang dikaji seperti di Jadual 1. Sepanjang 20 tahun beroperasi, LZS telah mengutip sebanyak RM3.3 bilion dan kutipan zakat telah meningkat secara positif setiap tahun. Pada tahun 2013, LZS berjaya mengutip sebanyak RM517.4 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 15 peratus dari kutipan zakat pada tahun 2012 (RM451.3 juta). Secara purata, peratus peningkatan kutipan zakat adalah sebanyak 22 peratus. Manakala jumlah pembayar zakat pada tahun 2013 adalah sebanyak 233,371 pembayar termasuk koperasi-koperasi di Negeri Selangor. LZS juga telah melantik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai Agen Kutipan Zakat Koperasi di Negeri Selangor. Koperasi di Negeri Selangor boleh membuat bayaran zakat perniagaan melalui ANGKASA dan boleh mendapatkan perkhidmatan pengiraan zakat perniagaan daripada Unit Skim Perlindungan dan Khidmat Sosial, ANGKASA. Pada setiap tahun jenis zakat perniagaan koperasi menyumbang kepada jumlah kutipan zakat perniagaan keseluruhan daripada pembayar zakat di Negeri Selangor, ini kerana sebahagian daripada koperasi-koperasi di Negeri Selangor telah mempunyai kesedaran dalam tanggungjawab melunaskan zakat perniagaan koperasi pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, pembayar zakat yang terdiri daripada koperasi-koperasi di Negeri Selangor masih di tahap yang rendah. Secara keseluruhannya, zakat berjaya dikutip oleh LZS mengalami peningkatan dan secara tidak langsung dapat memberi jumlah sumbangan yang besar kepada ekonomi Negeri Selangor.

Jadual 1 : Jumlah Keseluruhan Kutipan Zakat Perniagaan Oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) Bagi Tahun 2012 dan 2013

Perkara	Tahun 2012 (RM)	Tahun 2013 (RM)	Perubahan (%)
Kutipan Zakat Perniagaan	60,911,486.83	62,775,275.13	3%

Sumber : Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan kutipan zakat perniagaan daripada syarikat dan usahawan termasuk koperasi di Negeri Selangor. Jumlah kutipan zakat perniagaan keseluruhan daripada pembayar zakat menunjukkan terdapat peningkatan daripada tahun 2012 (RM60,911,486.83) kepada tahun 2013 (RM62,775,275.13). Peningkatan adalah sebanyak RM1,863,788.30 iaitu sebanyak 3 peratus. Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kutipan zakat perniagaan koperasi dan syarikat/firma/individu dalam tahun 2012 dan

2013 yang telah diterima oleh LZS iaitu tahun 2012, kutipan yang diterima daripada koperasi berjumlah RM917,147.79 manakala tahun 2013 berjumlah RM1,129,699.15 di mana peratus peningkatan kutipan zakat perniagaan koperasi adalah sebanyak 23 peratus.

Jadual 2 : Jumlah Pembayaran Zakat Perniagaan Koperasi Dan Syarikat/ Firma/Individu Yang Dikutip oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) Bagi Tahun 2012 dan 2013

Perkara	Jumlah Kutipan 2012 (RM)	Jumlah Kutipan 2013 (RM)	Perubahan (%)
Perniagaan Koperasi	917,147.79	1,129,699.15	23%
Syarikat / Firma / Individu	59,994,339.04	61,645,575.98	3%

Sumber : Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Kutipan zakat perniagaan daripada syarikat/firma/individu juga telah mengalami peningkatan iaitu tahun 2012 berjumlah RM59,994,339.04 manakala kutipan dalam tahun 2013 pula berjumlah RM61,645,575.98 di mana peratus peningkatan adalah sebanyak 3 peratus. Peningkatan ini adalah hasil kesedaran oleh koperasi-koperasi dan syarikat/firma/individu di Negeri Selangor untuk membayar zakat perniagaan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Bagi meningkatkan kutipan bayaran zakat perniagaan koperasi, LZS juga telah melantik Agen Kutipan Zakat Koperasi iaitu ANGKASA. Justeru itu koperasi boleh membuat bayaran zakat perniagaan melalui ANGKASA dan boleh mendapatkan perkhidmatan pengiraan zakat perniagaan daripada Unit Skim Perlindungan dan Khidmat Sosial ANGKASA. Pegawai daripada unit ini akan “turun padang” ke koperasi bagi proses pengiraan zakat tersebut. Jadual 2 juga menunjukkan perbandingan jumlah bayaran zakat perniagaan yang diterima oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) di antara syarikat/individu dengan koperasi-koperasi di Negeri Selangor. Jumlah kutipan zakat perniagaan daripada syarikat/individu adalah lebih tinggi setiap tahun berbanding dengan kutipan zakat perniagaan koperasi. LZS menerusi agen yang dilantik iaitu ANGKASA perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan koperasi dan berusaha untuk memberikan kesedaran yang tinggi dalam membuat bayaran zakat ke atas perniagaan yang dijalankan oleh koperasi-koperasi khususnya di Negeri Selangor.

Jadual 3 : Data Perangkaan Koperasi Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2012 dan 2013

Perkara	Tahun 2012	Tahun 2013	Perubahan (%)
Bilangan Koperasi	1,089	1,216	12%
Anggota Koperasi	608,463	660,879	7%
Jumlah Syer (Modal Saham)	RM 551.12 juta	RM 575.27 juta	4%
Jumlah Aset	RM 1,058.22 juta	RM 1,237.55 juta	17%
Jumlah Perolehan	RM 285.24 juta	RM 350.53 juta	23%

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor (2013)

Jadual 3 menunjukkan data perangkaan koperasi di Negeri Selangor. Jumlah koperasi di Negeri Selangor adalah sebanyak 1,216 buah koperasi pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 berjumlah 1,089 buah. Peratus peningkatan bilangan koperasi yang berdaftar di Negeri Selangor adalah 12 peratus. Bilangan anggota koperasi di Negeri Selangor juga turut meningkat iaitu sebanyak 7 peratus. Apabila jumlah anggota koperasi meningkat, jumlah modal syer koperasi juga turut meningkat iaitu sebanyak 4 peratus. Manakala jumlah aset dan perolehan koperasi di Negeri Selangor turut meningkat yang masing-masing sebanyak 17 peratus dan 23 peratus. Walaupun jumlah koperasi berdaftar di Negeri Selangor meningkat, jumlah koperasi yang membayar zakat perniagaan masih di tahap yang rendah. Masih terdapat banyak lagi koperasi di Negeri Selangor khususnya belum menunaikan zakat perniagaan. Ini menunjukkan bahawa kesedaran pembayaran zakat perniagaan di kalangan koperasi di Negeri Selangor masih lagi rendah. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat perniagaan koperasi.

Jadual 4 : Data Perangkaan Koperasi Di Negeri Selangor Yang Telah Membayar Zakat Perniagaan Bagi Tahun 2012 dan 2013

Perkara	Tahun 2012 (RM)	Tahun 2013 (RM)	Perubahan (%)
Jumlah Aset	235,069,578.59	302,172,932.72	28%
Jumlah Pendapatan	54,867,244.11	97,072,961.92	77%
Keuntungan Bersih	9,653,095.57	46,587,977.24	383%

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jadual 4 pula menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ke atas jumlah aset, jumlah pendapatan dan jumlah keuntungan bersih koperasi yang telah membayar zakat perniagaan di Negeri Selangor. Data ini telah menunjukkan bahawa daripada pembayaran zakat perniagaan oleh koperasi-koperasi telah meningkatkan lagi hasil perniagaan koperasi. Terdapat kesan positif terhadap koperasi-koperasi yang telah membayar zakat perniagaannya iaitu dapat dibuktikan bahawa hasil daripada pembayaran zakat perniagaan dapat meningkatkan pendapatan dan keuntungan perniagaan koperasi tersebut.

Jadual 5 : Kesan Peningkatan Keuntungan Koperasi Yang Telah Membayar Zakat Perniagaan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2012 dan 2013

Nama Koperasi	Keuntungan 2012 (RM)	Keuntungan 2013 (RM)
Koperasi Jabatan Penjara Selangor Berhad	1,632,113.65	1,723,189.00
Koperasi Pekebun Kecil Negeri Selangor Berhad	28,544.63	110,477.00
Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	3,246,880.00	37,226,682.00

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat kesan positif ke atas jumlah keuntungan koperasi yang membayar zakat perniagaan. Kajian telah mendapatkan beberapa sampel kajian terdiri daripada tiga koperasi di Negeri Selangor yang telah membayar zakat perniagaan. Didapati terdapat peningkatan dari segi keuntungan bersih daripada perniagaan koperasi berkenaan yang telah membayar zakat perniagaan. Daripada data yang diperolehi di atas dapat membuktikan bahawa dengan pembayaran zakat perniagaan koperasi akan dapat meningkatkan keuntungan perniagaan koperasi tersebut.

Jadual 6 : Kesan Peningkatan Jumlah Pendapatan Perniagaan Koperasi Yang Telah Membayar Zakat Perniagaan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2012 dan 2013

Nama Koperasi	Pendapatan 2012 (RM)	Pendapatan 2013 (RM)
Koperasi Jabatan Penjara Selangor Berhad	4,873,528.63	5,720,697.00
Koperasi Pekebun Kecil Negeri Selangor Berhad	594,844.30	1,748,089.00
Koperasi Serbaguna Anak- Anak Selangor Berhad	6,268,479.00	47,399,415.00

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat kesan positif ke atas jumlah pendapatan perniagaan koperasi yang membayar zakat perniagaan yang telah ditunjukkan melalui data-data yang diperolehi terhadap sampel-sampel kajian terdiri daripada tiga koperasi di Negeri Selangor yang telah membayar zakat perniagaan. Didapati terdapat peningkatan dari segi jumlah pendapatan perniagaan koperasi-koperasi berkenaan yang telah membayar zakat perniagaan.

Jadual 7 : Kesan Peningkatan Jumlah Aset Koperasi Yang Telah Membayar Zakat Perniagaan Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2012 dan 2013

Nama Koperasi	Jumlah Aset 2012 (RM)	Jumlah Aset 2013 (RM)
Koperasi Jabatan Penjara Selangor Berhad	36,639,047.30	41,347,579.00
Koperasi Pekebun Kecil Negeri Selangor Berhad	343,668.16	868,197.00
Koperasi Serbaguna Anak- Anak Selangor Berhad	81,710,571.00	148,991,512.00

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat kesan positif ke atas jumlah sset koperasi yang membayar zakat perniagaan. Koperasi yang sama telah dijadikan sampel kajian terdiri daripada tiga koperasi di Negeri Selangor yang telah membayar zakat perniagaan. Didapati sset-aset koperasi berkenaan telah bertambah dan meningkat hasil daripada melakukan kewajipan membayar zakat perniagaan. Ini dapat dibuktikan melalui data yang diperolehi bahawa dengan menjalankan kewajipan membayar zakat perniagaan akan dapat keberkatan, menyucikan harta tersebut dan dapat menambahkan lagi hasil pendapatan perniagaan khususnya kepada koperasi-koperasi di Negeri Selangor. Firman Allah SWT bermaksud:

“Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya pada jalan kebaikan dan bertakwa, serta dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami (Allah) akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga)”.

5.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian telah mendapati bahawa koperasi di Malaysia masih di tahap yang rendah dalam urusan membayar zakat perniagaan. Mengikut data perangkaan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2013 jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh Malaysia adalah sebanyak 10,914 buah, manakala di Negeri Selangor sahaja sehingga 31 Disember 2013 jumlah koperasi

yang berdaftar adalah sebanyak 1,216 buah koperasi. Negeri Selangor merupakan negeri yang tertinggi bilangan koperasi berdaftar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun bilangan koperasi yang membayar zakat perniagaan masih di tahap yang rendah. Pada tahun 2011, statistik menunjukkan terdapat 470 buah koperasi yang berdaftar dengan pihak ANGKASA di Negeri Selangor, hanya 54 buah koperasi sahaja yang tampil menunaikan zakat dengan jumlah kutipan zakat perniagaan sebanyak RM700,000.00. Sehubungan itu, adalah diharapkan lebih banyak koperasi akan menjelaskan zakat perniagaan selepas ini seiring dengan perantikan ANGKASA sebagai wakil kutipan zakat perniagaan koperasi oleh LZS. Kenyataan ini diperolehi daripada Seminar Zakat Perniagaan Koperasi yang telah dianjurkan oleh LZS bersama ANGKASA dan koperasi di Selangor pada 12 April 2012 di Shah Alam.

Melalui perhatian ke atas beberapa Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang mentadbir dan menguruskan perniagaan koperasi di Negeri Selangor, kajian telah mendapati bahawa kurangnya keimanan dan pengetahuan agama dalam urusan zakat perniagaan koperasi adalah menjadi faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat. Faktor lain adalah tidak ada akta dan undang-undang yang ketat dalam urusan pembayaran zakat perniagaan koperasi berbanding pembayaran cukai pendapatan kerana adanya akta cukai pendapatan. Anggota Lembaga Koperasi yang menguruskan perniagaan koperasi mungkin takut dan akan patuh jika adanya akta dan undang-undang yang khusus berkenaan pembayaran zakat sebagaimana mereka akan membayar cukai pendapatan kerana adanya akta cukai. Sebahagiannya pula mungkin merasakan kewajipan membayar zakat dianggap sebagai beban kerana tidak menyedari bahawa ia adalah tanggungjawab agama dan tanggungjawab sosial. Qardawi (1998) juga menjelaskan dalam kes ini bahawa faktor keimanan penting dalam menentukan tindakan ekonomi.

Faktor sikap di kalangan Anggota Lembaga Koperasi juga merupakan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan koperasi. Sikap adalah faktor dalaman individu dan ia telah dibuktikan menjadi salah satu faktor penentu kepada kepatuhan membayar zakat dan kepatuhan untuk membayarnya melalui institusi pungutan zakat. Koperasi menganggap bahawa perniagaan yang dijalankan adalah milik ramai iaitu milik anggota koperasi dan mereka berpendapat zakat tidak perlu dibayar. Kamil (2002) dalam kajiannya yang lain menggunakan model logit memperkukuhkan hipotesisnya bahawa faktor sikap adalah penentu penting kepatuhan membayar zakat. Berdasarkan analisis kajian yang telah dibuat melalui sumber data yang diperolehi dan hasil maklumat daripada temuduga dengan Anggota Lembaga Koperasi, secara keseluruhannya, penemuan menunjukkan

faktor dalaman dan luaran memainkan peranan penting bagi memahami kesedaran koperasi untuk membayar zakat perniagaan. Faktor dalaman seperti sikap dan nilai moral, manakala faktor luaran seperti undang-undang dan penguatkuasaan adalah faktor-faktor yang memberi kesan kepada kesedaran koperasi untuk membayar zakat perniagaan.

Faktor sikap adalah faktor yang paling signifikan mempengaruhi niat seseorang untuk menunaikan zakat, ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Ram et. al. (2009) yang mendapati faktor ini penting di dalam mempengaruhi niat dan tujuan seseorang berzakat. Sikap memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran pembayaran zakat perniagaan di kalangan koperasi-koperasi. Oleh itu, sikap ALK, anggota dan pentadbir koperasi yang positif terhadap zakat perniagaan akan menguatkan kesedaran mereka, manakala sikap negatif akan merencatkan kesedaran mereka terhadap pembayaran zakat perniagaan koperasi. Dalam hal berkaitan zakat, undang-undang adalah satu daripada kaedah bagi pihak berkuasa untuk melaksana dan mengawal urusan berkaitan kutipan zakat. Walau bagaimanapun, undang-undang yang hendak dilaksanakan perlulah jelas kerana kedudukan undang-undang boleh mempengaruhi persepsi masyarakat khususnya koperasi. Apa yang wajar dilakukan oleh trateg zakat adalah dengan mendedahkan masyarakat khususnya koperasi mengenai undang-undang yang ada agar ia difahami dengan jelas oleh mereka. Paparan undang-undang di lokasi trategic dan di tempat awam seperti papan tanda di masjid atau di pasar raya dapat membantu masyarakat memahami undang-undang seperti bentuk hukuman dan denda yang boleh dikenakan kepada mereka yang ingkar membayar zakat.

6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian yang dijalankan dapat merumuskan bahawa Negeri Selangor telah dapat meningkatkan hasil pungutan zakat pada setiap tahun untuk kesemua jenis zakat yang diperolehi daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Walaubagaimanapun kutipan zakat perniagaan koperasi masih di tahap rendah dan perlu dipertingkatkan lagi. Peranan ANGKASA sebagai agen kutipan zakat koperasi perlu diperluaskan lagi dalam usaha memberi kefahaman dan kesedaran kepada koperasi-koperasi untuk membayar zakat perniagaan. Peningkatan kesedaran di kalangan koperasi untuk membayar zakat perniagaan adalah penting. Ini memandangkan zakat perniagaan adalah satu perkara yang wajib dan merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Pihak institusi zakat iaitu LZS bersama ANGKASA sebagai agen kutipan zakat perlu mempertingkatkan lagi

aktiviti promosi, kempen serta memberi penerangan untuk memastikan semua koperasi khususnya di Negeri Selangor sedar akan kepentingan pembayaran zakat dan mengetahui matlamat serta falsafah di sebalik kewajipan membayar zakat. Penganjuran seminar, ceramah, bengkel dan sebagainya akan meningkatkan pengetahuan peniaga-peniaga di kalangan koperasi dan membuatkan mereka berasa lebih yakin dengan ketelusan pejabat zakat dan kebaikan zahir dan batin yang diperolehi apabila zakat dikeluarkan. Dengan ini kutipan zakat dapat ditingkatkan seterusnya mampu digunakan untuk manfaat lebih ramai asnaf di Negeri Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Amir Osman (2007). Potensi pembayar dan kutipan zakat di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24 Mei 2007.
- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada http://www.angkasa.coop.com/agen_kutipan_zakat/.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Syariah*. **17 (1) 2009: 89-112**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. **4(1) 2010: 141-170**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor (2007). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia*. *Islamiyyat* 29(2007) 53-70
- Laporan Tahunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada <http://www.skm.gov.my/infokop/>.
- Lembaga Zakat Selangor (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada <http://www.e-zakat.com.my/sejarah-lzs/>.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2007). *Pemantapan sistem zakat dan cukai ke arah kemajuan ekonomi ummah*, kertas kerja dibentangkan dalam konvensyen Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24 Mei 2007

aktiviti promosi, kempen serta memberi penerangan untuk memastikan semua koperasi khususnya di Negeri Selangor sedar akan kepentingan pembayaran zakat dan mengetahui matlamat serta falsafah di sebalik kewajipan membayar zakat. Penganjuran seminar, ceramah, bengkel dan sebagainya akan meningkatkan pengetahuan peniaga-peniaga di kalangan koperasi dan membuatkan mereka berasa lebih yakin dengan ketelusan pejabat zakat dan kebaikan zahir dan batin yang diperolehi apabila zakat dikeluarkan. Dengan ini kutipan zakat dapat ditingkatkan seterusnya mampu digunakan untuk manfaat lebih ramai asnaf di Negeri Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Amir Osman (2007). Potensi pembayar dan kutipan zakat di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24 Mei 2007.
- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada http://www.angkasa.coop.com/agen_kutipan_zakat/.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Syariah*. **17 (1) 2009: 89-112**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. **4(1) 2010: 141-170**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor (2007). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia*. *Islamiyyat* 29(2007) 53-70
- Laporan Tahunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada <http://www.skm.gov.my/infokop/>.
- Lembaga Zakat Selangor (2014), diambil pada 5 Nov 2014 daripada <http://www.e-zakat.com.my/sejarah-lzs/>.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2007). *Pemantapan sistem zakat dan cukai ke arah kemajuan ekonomi ummah*, kertas kerja dibentangkan dalam konvensyen Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24 Mei 2007

- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Patmawati Ibrahim (2007). *Peranan agihan zakat dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah*, Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24 Mei 2007.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber zakat harta yang diikhtilaf, *islamiyyat*, 27, P 45 - 65.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal, *Jurnal ekonomi Malaysia*, 39, 53-69.
- Yusuf al-Qaradhawi. 2009. *Institusi Zakat - Peranan dan Tanggungjawab*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010). *Ahkam Wa Fatawa al-Zakah, Pelbagai Hukum dan Fatwa Zakat*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.

www.jawhar.gov.my

ISSN 1985-2010



9 771985 201003

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7509